

Small jadi Datuk Muda Linggi?

SEREMBAN, Rabu — Seorang anak Waris Datuk Muda Linggi daripada Perut Hilir, Haji Ismail Abdul Jalal dijangka diumumkan sebagai penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi yang baru dalam satu istiadat di Linggi esok.

Bellau akan menggantikan tempat Datuk Abu Zarim Haji Molep yang telah dipecat daripada menjadi penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi oleh kira-kira 100 anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Pe-

rut dalam satu kerapatan adat pada 27 Mac lalu.

Anak-anak Waris itu telah menggariskan enam kesalahan adat yang dikatakan dilakukan oleh Datuk Abu Zarim termasuk campurtangan beliau dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Sumber-sumber tertinggi adat berkata anak-anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut akan menyempurnakan istiadat 'menebus pesaka'

di hadapan Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan di Balai Datuk Shahbandar Kampung Belangan dekat sini hari ini.

Istiadat ini akan disusuli pula oleh istiadat 'bertabur melukut' (kenduri) serta istiadat perantikan penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi yang baru di rumah seorang Waris perempuan Datuk Muda Linggi di Linggi esok.

Aturan adat menggariskan bahawa pesaka Datuk Muda Linggi hendaklah digilirkan di

kalangan anak-anak Waris lelaki Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut iaitu Pengkalan, Solok dan Hilir.

Datuk Abu Zarim, yang dilantik menjadi penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi pada awal 1981 adalah daripada Perut Pengkalan.

Aturan adat juga menggariskan bahawa penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap urusan pentadbiran adat di Wilayah Linggi, yang termasuk dalam Luak Sungai Ujong.

Sistem pentadbiran adat di Wilayah Linggi dianggap paling unik di Negeri Sembilan kerana ia mengamalkan Adat Temenggong dan bukannya Adat Perpatih seperti yang diamalkan di Luak lain di negeri ini.

Berita Harian difahamkan bahawa Datuk Shahbandar Shahari akan mengepalai ketua-ketua adat Luak Sungai Ujong dalam istiadat perantikan penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi yang baru esok.

Istiadat itu akan turut dihadiri oleh Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong serta ketua-ketua adat yang mewakili anak-anak Waris di Darat dan di Air Luak itu.